



30 Mar 2019
Harian Ekspres (KK), Malaysia

Author: No author available • Section: Tempatan • Page: 2 • Printed size: 143.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 304.00
Item ID: MY0035554447

[isentia.mediaportal](https://isentia.mediaportal.com)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Guna kontraktor pendawaian berdaftar ST: SESB

KOTA KINABALU: Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) menasihatkan mereka yang mahu melakukan pendawaian dalaman dan memohon bekalan elektrik ke premis mereka untuk melantik kontraktor yang cekap dan berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST).

Pemangku Pengarah Urusannya, Abdul Nasser Abdul Wahid berkata, ia penting untuk memastikan reka bentuk, pemasangan dan sistem elektrik mematuhi syarat yang ditetapkan oleh ST dan SESB, selain untuk sebab keselamatan.

Beliau berkata SESB akan bertanggungjawab bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin berlaku atau

disebabkan semasa atau selepas ujian, disebabkan oleh masalah dalam pendawaian dalaman.

Ia merupakan tanggungjawab kontraktor elektrik cekap dan berdaftar untuk memastikan pendawaian dalaman yang dilakukan adalah selamat untuk digunakan, katanya, menambah senarai nama kontraktor berdaftar boleh didapati di pejabat SESB bagi mereka yang memohon bekalan elektrik domestik.

Beliau berkata mereka yang berhasrat untuk berbuat demikian boleh memohon secara individu, melalui kontraktor dilantik atau dalam kumpulan bagi kes pemaju perumahan.

Sebelum pendawaian dalaman untuk rumah dimulakan, beliau berkata kontraktor akan melawat tapak, mengenal pasti beban diperlukan dan alat elektrik sesuai untuk digunakan, mengemukakan pelan, lukisan dan spesifikasi rumah.

Bagi pemohon yang menyewa tanah atau rumah, beliau berkata mereka perlu terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pemilik tanah/rumah sebelum mengemukakan permohonan kepada SESB.

Satu salinan dokumen pemilikan rumah seperti geran tanah, dokumen pajakan atau dokumen serupa boleh digunakan sebagai bukti pemilikan.



30 Mar 2019
Harian Ekspres (KK), Malaysia

Author: No author available • Section: Tempatan • Page: 2 • Printed size: 143.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 304.00
Item ID: MY0035554447

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

SUMMARIES

KOTA KINABALU: Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) menasihatkan mereka yang mahu melakukan pendawaian dalaman dan memohon bekalan elektrik ke premis mereka untuk melantik kontraktor yang cekap dan berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST). Pemangku Pengarah Urusannya, Abdul Nasser Abdul Wahid berkata, ia penting untuk memastikan reka bentuk, pemasangan dan sistem elektrik mematuhi syarat yang ditetapkan oleh ST dan SESB, selain untuk sebab keselamatan.